

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN  
(BUKIT KATIL)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [  
BUKIT KATIL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi komprehensif yang telah dirangka untuk memastikan Malaysia mampu berhadapan dengan masalah ekonomi akibat daripada harga komoditi rendah yang panjang serta permintaan lemah dari Negara China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada cabaran persekitaran luar yang tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana dikalangan negara pesat membangun seperti China

serta kejatuhan harga komoditi minyak mentah dan volatiliti dalam pergerakan matawang telah menjejaskan aliran perdagangan dan dana antarabangsa. Secara tidak langsung, perkembangan ini boleh memberi kesan kepada prestasi eksport dan pertumbuhan ekonomi negara.

2. Sungguhpun demikian, keadaan ini dijangka memberi impak yang tidak ketara memandangkan asas ekonomi negara yang kukuh. Ini adalah bersandarkan kepada struktur perdagangan luar negara yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh sumber pertumbuhan ekonomi domestik serta kekuatan daya tahan dan daya saing negara.

3. Dalam menghadapi pelbagai cabaran tersebut, Kerajaan sentiasa mengambil langkah pengurusan makroekonomi yang pragmatik bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang. Sehubungan ini, Kerajaan giat melaksanakan pelbagai inisiatif dan usaha iaitu:

1. menyediakan persekitaran yang kondusif dengan infrastruktur yang lengkap bagi menarik pelaburan;
2. mempromosi dasar yang akan meningkatkan perdagangan;
3. memupuk bakat untuk mencapai pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi; dan

4. memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara bagi mencergaskan aktiviti pelaburan swasta di Malaysia.

4. Tindakan proaktif Kerajaan dalam menangani ketidaktentuan ekonomi global, turut ditunjukkan dalam pengubahsuaian Bajet 2016 pada 20 Januari pada tahun ini. Antara langkah yang diumumkan semasa pengubahsuaian Bajet 2016 tersebut termasuk:

- a. memberi komitmen yang berterusan terhadap konsolidasi fiskal dengan mengoptimum dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan mengurus ;
- b. memberi keutamaan kepada perbelanjaan pembangunan yang memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi;
- c. menggandakan usaha pematuhan dan pengauditan bagi meningkatkan jumlah dan kecekapan kutipan hasil;
- d. mengurangkan kos harga barang keperluan rakyat;
- e. meningkatkan perbelanjaan sektor swasta dengan mengurangkan potongan caruman KWSP pekerja sebanyak 3% mulai Mac 2016 hingga Disember 2017 serta pelepasan khas cukai sebanyak RM2,000 diberikan kepada pembayar cukai individu berpendapatan RM8,000 sebulan ke bawah untuk tahun taksiran 2015; dan

f. menyediakan peruntukan bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran menerusi inisiatif 'reskill' dan 'upskill'.

5. Meskipun terdapat kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan, namun eksport Malaysia ke China kembali pulih pada tahun 2015 dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 10% berbanding pertumbuhan -4.8% pada tahun 2014 dan kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009. Kedudukan yang menggalakkan ini, dicerminkan oleh prestasi jumlah eksport pembuatan yang menyumbang sebanyak 81% kepada jumlah eksport ke China, meningkat 10.2% dan eksport komoditi sebanyak 9.5%. Oleh itu, jelas eksport Malaysia ke China dijangka tidak akan terjejas dengan ketara akibat kejatuhan harga komoditi utama dan ekonomi China yang berkembang dengan lebih perlahan.

6. Dengan langkah-langkah proaktif Kerajaan ini serta kekuatan daya tahan dan daya saing negara, prestasi ekonomi Malaysia, terus mencatat pertumbuhan pada kadar 4.2% dalam tempoh suku pertama 2016 (Q4 2015:4.5%), meskipun berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi dan kewangan global. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang kekal cergas terutamanya perbelanjaan penggunaan swasta dan awam serta pelaburan swasta.

Oleh yang sedemikian, Kerajaan yakin negara mampu berhadapan dengan masalah ekonomi akibat daripada harga komoditi rendah yang panjang serta permintaan lemah dari Negara China dan akan mencapai sasaran KDNK antara 4% hingga 4.5% bagi keseluruhan tahun 2016.